



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 4 TAHUN 2007**

**PINDAAN PADA KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN**

**(PENETAPAN BAS EKSPRES EKSEKUTIF SEBAGAI KENDERAAN  
PERKHIDMATAN AWAM) (PINDAAN) 2007**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 22 JUN 2007**

Semua Pengusaha/Persatuan Bas Ekspres  
Semenanjung Malaysia.

**PINDAAN PADA KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN  
(PENETAPAN BAS EKSPRES EKSEKUTIF SEBAGAI KENDERAAN  
PERKHIDMATAN AWAM) (PINDAAN) 2007**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pindaan Kaedah 2 dalam Kaedah-kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Penetapan Bas Ekspres Eksekutif Sebagai Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Pindaan) 2007 dan Kaedah Baru 5A (Notis).

**LATAR BELAKANG**

2. Kaedah 2 pada Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Penetapan Bas Ekspres Eksekutif Sebagai Kenderaan Perkhidmatan Awam) 2003 menetapkan muatan duduk bas eksekutif tidak melebihi 26 enam orang, atau bagi bas separa dua tingkat tidak melebihi tiga puluh lapan orang. Kaedah-kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan . (Penetapan Bas Ekspres Eksekutif Sebagai Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Pindaan) 2007 menyatakan pindaan pada Kaedah 2 tersebut, seperti berikut:

Dalam kaedah-kaedah ini, bas ekspres eksekutif ertinya bas yang muatan duduknya tidak melebihi tiga puluh orang termasuk pemandu, pemandu kedua dan pelayan, atau bagi bas separa dua tingkat tidak melebihi tiga puluh lapan orang termasuk pemandu, pemandu kedua dan pelayan.

3. Di bawah Kaedah berkenaan telah dimasukkan Kaedah baru iaitu 5A seperti berikut:

Notis:

5A. Seseorang pemegang lesen bas ekspres eksekutif hendaklah menyediakan dan mempamerkan di dalam suatu bas ekspres eksekutif suatu notis, berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan di dalam bas eksekutif itu, yang hendaklah mudah dilihat oleh penumpang yang dibawa di dalam bas eksekutif itu+.

## **PELAKSANAAN KAEDAH BARU 5A (NOTIS)**

4. Dengan pelaksanaan Kaedah baru 5A, semua pengusaha bas ekspres eksekutif dikehendaki menyenaraikan perkhidmatan yang disediakan di dalam bas eksekutif untuk faedah dan kemudahan penumpang seperti contoh;

- (a) televisyen, pemain cakera padat/radio.
- (b) snek
- (c) tuala/tisu
- (d) majalah
- (e) tempat makan

Senarai tersebut hendaklah dipamerkan di dalam bas untuk memaklumkan penumpang tentang perkhidmatan yang disediakan.

## **KELULUSAN PEWARTAAN**

5. Pewartaan Kaedah-keadah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Penetapan Bas Ekspres Eksekutif Sebagai Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Pindaan) 2007 telah diluluskan pada 1 September 2007 dan berkuatkuasa mulai tarikh tersebut.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“ KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**

**(NAIMAH BT. RAMLI)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Kementerian Pembangunan Usahawan.

**November 2007**

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,  
Ibu pejabat.